

KEPIMPINAN WANITA DALAM KERANGKA MASYARAKAT MADANI: ANALISIS PRINSIP AL-QURAN DAN MAQASID AL-SYARIAH

Atriza Umarⁱ, Hamidah Matⁱⁱ, Ummu Atiyah Ahmad Zakuanⁱⁱⁱ

ⁱ Pelajar, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Open University Malaysia (OUM). atriza_umar@oum.edu.my

ⁱⁱ Profesor Madya, Open University Malaysia (OUM). hamidah_mat@oum.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Universiti Utara Malaysia (UUM). atiyah@uum.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan konsep kepimpinan wanita dalam kerangka masyarakat Madani dengan menelusuri prinsip-prinsip kepimpinan yang berpaksikan al-Quran dan Maqasid al-Syariah. Dalam konteks dunia Islam kontemporari, peranan wanita semakin menonjol dalam pelbagai bidang kepimpinan, sama ada dalam sektor politik, pendidikan, ekonomi mahupun sosial. Namun begitu, masih wujud kekeliruan dan polemik berkaitan kedudukan wanita sebagai pemimpin, khususnya apabila ditafsirkan melalui perspektif budaya dan patriarki yang sempit, bukan melalui kerangka maqasid dan keadilan Islam yang sebenar. Kajian ini bertujuan menilai prinsip-prinsip asas kepimpinan wanita yang digariskan dalam al-Quran serta meneliti bagaimana pendekatan Maqasid al-Syariah dapat dijadikan kerangka dalam menilai dan memperkukuh peranan wanita dalam sistem kepimpinan masyarakat Madani. Kaedah kualitatif digunakan melalui analisis teks terhadap ayat-ayat al-Quran, hadis serta pandangan sarjana klasik dan kontemporari Islam. Data sokongan turut diperolehi melalui kajian dokumen dan penulisan ilmiah berkaitan konsep masyarakat Madani dan pembangunan insan menurut Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Quran mengiktiraf kemampuan dan potensi wanita sebagai pemimpin yang membawa nilai rahmah, keadilan, dan ihsan, selaras dengan lima prinsip utama Maqasid al-Syariah menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Prinsip-prinsip ini menjadi asas dalam memastikan kepimpinan wanita berfungsi bukan sekadar sebagai simbol kesamarataan gender, tetapi sebagai instrumen pembinaan masyarakat sejahtera yang berteraskan nilai kemanusiaan dan tanggungjawab sosial. Dalam konteks masyarakat Madani, kepimpinan wanita yang berteraskan maqasid menekankan keseimbangan antara hak dan tanggungjawab, spiritual dan material, serta individu dan komuniti. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa kepimpinan wanita bukan sahaja diiktiraf dalam Islam, malah merupakan sebahagian daripada manifestasi keadilan dan kesejahteraan yang menjadi tunjang kepada gagasan Masyarakat Madani. Pendekatan berasaskan al-Quran dan Maqasid al-Syariah perlu dijadikan asas dalam merangka dasar, pendidikan, dan latihan kepimpinan wanita agar mereka mampu menyumbang secara holistik kepada pembangunan ummah dan negara.

Kata-kata kunci: al-Quran, Kepimpinan Wanita, Masyarakat Madani, Maqasid al-Syariah, Rahmah

PENGENALAN

Kepimpinan wanita telah menjadi antara isu paling signifikan dalam wacana kontemporari Islam. Dalam sejarah peradaban Islam, peranan wanita tidak pernah dikesampingkan; bahkan ramai tokoh wanita seperti Sayyidatina Khadijah r.a., Aisyah r.a., dan al-Syifa' binti Abdullah memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi, ilmu dan pentadbiran.

Namun dalam dunia moden, masih terdapat kekeliruan terhadap kedudukan wanita dalam kepemimpinan disebabkan oleh tafsiran budaya patriarki yang menyempitkan kefahaman terhadap nas-nas syarak. Kajian ini mengupas prinsip al-Quran dan Maqasid al-Syariah sebagai asas epistemologi dalam memahami kepemimpinan wanita yang adil, rahmah dan berpaksikan kemanusiaan. Dalam kerangka masyarakat Madani, peranan wanita bukan sahaja penting dari segi sumbangan sosial dan ekonomi, malah dari segi keupayaan mereka memimpin dengan nilai ihsan, empati dan tanggungjawab.

SOROTAN LITERATUR

Kepimpinan Wanita dalam Perspektif al-Quran

Al-Quran mengiktiraf tanggungjawab kepemimpinan sebagai amanah yang perlu ditunaikan dengan adil dan berasaskan keilmuan. Firman Allah SWT:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menunaikan amanah kepada ahlinya...” (Surah an-Nisa', 4:58).

Ayat ini menegaskan bahawa kelayakan dan kompetensi adalah asas pemilihan pemimpin, tanpa diskriminasi jantina. Tafsiran al-Qurtubi menekankan bahawa keadilan dan kebijaksanaan merupakan asas utama pelantikan pemimpin (al-Qurtubi, 2006).

Dalam konteks semasa, Siddique, M. U., Syed Ali Sultan, & Arfan Arshad (2023) menekankan tentang perspektif Islam terhadap kepemimpinan iaitu penekanan yang diberikan kepada nilai karakter, keilmuan, amanah dan inklusiviti iaitu dalam kata lain Islam menolak diskriminasi kerana jantina atau status sosial.

Selain itu, sejarah Islam telah mencatat bahawa tokoh-tokoh wanita yang berpengaruh seperti Balqis, Ratu Saba' (Surah an-Naml, 27:23-44), telah menunjukkan kepemimpinan strategik dan kebijaksanaan dalam diplomasi pada peringkat kepemimpinan negara. Menurut al-Razi (1999), kisah ini adalah hujah bahawa wanita memiliki potensi kepemimpinan sekiranya berasaskan akal dan hikmah.

Zainab al-Ghazali (1989) pula menegaskan bahawa wanita yang beriman mampu menjadi “madrasah kepimpinan” yang membina ummah. Yusuf al-Qaradawi (1996) juga menegaskan pandangan bahawa Islam tidak menghalang wanita menjadi pemimpin, asalkan mereka menunaikan tanggungjawab syarie dan moral dengan seimbang.

Sementara itu, Koburtay, T., Abuhussein, T., & Sidani, Y. M. (2022) turut menegaskan dalam kajian kualitatif di Jordan bahawa wanita pemimpin melihat kepemimpinan mereka sebagai selari dengan kefahaman iman

dan tanggungjawab moral dan bukan sebagai sesuatu yang bertentangan dengan agama. Mereka membina kerangka kepimpinan yang berasaskan keilmuan, amanah dan tanggungjawab sejalan dengan idea bahawa wanita mampu menjadi “madrasah kepimpinan”. Justeru, kajian beliau telah menyokong bahawa wanita dalam konteks Islam bukan hanya boleh tetapi *sedang* menjalankan peranan kepimpinan, dengan syarat mereka mengaitkan peranan itu dengan tanggungjawab moral/ilmiah.

Maqasid al-Syariah dalam Konteks Kepimpinan

Pendekatan Maqasid al-Syariah, seperti yang dihuraikan oleh al-Syatibi (1997) dan al-Ghazali (1993), berasaskan lima objektif utama: menjaga agama (din), nyawa (nafs), akal ('aql), keturunan (nasl) dan harta (mal). Keadilan gender dalam kepimpinan wanita perlu dilihat melalui neraca maqasid ini, bukan melalui tafsiran literal semata-mata. Menurut Ibn Ashur (2001), maqasid menuntut agar syariah membawa manfaat sejagat (masalahah 'ammah) kepada manusia tanpa diskriminasi. Oleh itu, penyertaan wanita dalam kepimpinan bukanlah pelanggaran hukum, tetapi manifestasi rahmah Allah dalam sistem sosial.

Dalam konteks masyarakat Madani, maqasid al-Syariah menjadi asas pembentukan masyarakat yang adil, sejahtera dan berperikemanusiaan. Masyarakat Madani, seperti yang diilhamkan oleh gagasan Malaysia Madani, menekankan nilai keadilan sosial, rahmah, ilmu, dan integriti, semuanya selari dengan maqasid. Prinsip *hifz al-din* menuntut masyarakat menegakkan nilai moral dan spiritual tanpa memaksa, memastikan kebebasan beragama dihormati dalam batas syarak. *Hifz al-nafs* pula menekankan hak asasi manusia, keselamatan, kesihatan awam dan keadilan sosial, prinsip penting dalam dasar kesejahteraan masyarakat moden.

Selain itu, *hifz al-'aql* menggalakkan budaya ilmu, inovasi dan pemikiran kritikal yang menjadi tunjang kepada kemajuan Madani. *Hifz al-nasl* menyeru kepada pembentukan institusi keluarga yang kukuh dan pendidikan berasaskan akhlak bagi melahirkan generasi beradab. Sementara *hifz al-mal* mendorong kepada tadbir urus ekonomi yang telus, menolak rasuah dan memastikan pengagihan kekayaan yang adil.

Oleh itu, dalam kerangka masyarakat Madani, maqasid al-Syariah berfungsi bukan sekadar sebagai prinsip keagamaan, tetapi sebagai panduan etika dan dasar pentadbiran. Ia memastikan pembangunan negara dan masyarakat tidak hanya mengejar kemajuan material, tetapi turut memperkukuh keadilan, kemanusiaan dan kesejahteraan sejagat selaras dengan nilai *rahmah* dan *masalahah 'ammah* yang menjadi teras syariah.

Oleh itu, sorotan di atas selari dengan pandangan Atea, M. A. (2025) yang menegaskan bahawa cara mengaktifkan maqāsid dalam fatwa dan ijtihad bagi mencapai manfaat & menolak mudarat dalam isu moden termasuk sosial-gender.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen dan teks. Data primer diperoleh daripada al-Quran, hadis, dan karya ulama klasik seperti al-Ghazali, al-Syatibi dan Ibn Ashur. Manakala data sekunder melibatkan jurnal akademik, laporan badan antarabangsa (UN Women, 2024) serta dokumen nasional berkaitan kepimpinan dan pembangunan wanita Malaysia.

Pendekatan analisis kandungan tematik digunakan untuk mengenal pasti prinsip utama kepimpinan wanita dalam al-Quran dan kesesuaiannya dengan maqasid. Kaedah ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola pemikiran ulama dan hubungannya dengan kerangka masyarakat Madani.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengiktirafan al-Quran dan Sunah terhadap Kepimpinan Wanita

Dapatan menunjukkan bahawa al-Quran tidak menolak kepimpinan wanita, sebaliknya menilai berdasarkan kompetensi, taqwa dan keadilan. Balqis menunjukkan keupayaan strategik dan kebijaksanaan yang membawa keamanan (Surah an-Naml, 27:35).

Menurut Ibn Kathir (2000), tindakan Balqis mencerminkan kepimpinan yang berasaskan musyawarah dan diplomasi, iaitu dua nilai teras dalam konsep shura Islamiah.

Dengan menyebut contoh wanita pemimpin seperti Ratu Balqis yang digambarkan dalam Surah an-Naml, jelas bahawa al-Qur'an tidak menolak kepimpinan wanita. Kisah tersebut menunjukkan bahawa seorang wanita mampu memegang peranan pemerintahan dengan penuh kebijaksanaan dan tanggungjawab. Balqis menonjol melalui keupayaan strategiknya dalam membuat keputusan, kemahiran diplomasi serta kebijaksanaan dalam menangani krisis, yang akhirnya membawa kepada keamanan dan keimanan kepada Allah. Hal ini memperlihatkan bahawa ukuran kepimpinan dalam Islam tidak terletak pada jantina, tetapi pada kompetensi, taqwa dan keadilan. Prinsip *shūrā* dan keadilan yang dijelaskan dalam al-Qur'an memperkukuh pandangan ini kepimpinan dalam Islam mestilah berasaskan musyawarah, amanah dan kebijaksanaan, selaras dengan nilai-nilai syura yang diamalkan oleh Balqis.

Dalam konteks kepimpinan wanita, tiada hadis Nabi SAW yang secara mutlak melarang wanita daripada memegang peranan kepimpinan. Sebaliknya, Islam menilai kepimpinan berdasarkan amanah, keadilan dan kecekapan, bukan jantina. Hadis yang sering dirujuk dalam perbahasan ini ialah sabda Rasulullah SAW:

“Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada seorang wanita.”
(*Riwayat al-Bukhari, no. 4425*)

Namun, para ulama muktabar menjelaskan bahawa hadis ini bersifat kontekstual, bukan hukum umum. Menurut Imam al-Tabari dan al-Qurtubi, hadis ini merujuk kepada keadaan khusus kerajaan Parsi pada masa itu yang sedang bergolak selepas kematian Raja Kisra, di mana puterinya dinaikkan sebagai raja tanpa pengalaman dan berlaku kekacauan politik. Oleh itu, hadis ini tidak menolak kemampuan wanita secara keseluruhan, tetapi mengkritik pelantikan yang tidak berdasarkan kelayakan dan kecekapan.

Sarjana kontemporari seperti Yusuf al-Qaradawi (1996) dan Muhammad al-Ghazali (1998) menegaskan bahawa hadis tersebut mesti difahami dalam konteks maqasid al-syariah iaitu memastikan pemerintahan yang adil, berkeupayaan dan membawa masalah. Mereka menolak tafsiran literal yang mendiskriminasi wanita, dengan menegaskan bahawa jika seseorang wanita memiliki ilmu, taqwa, dan kebijaksanaan, maka beliau layak memimpin sebagaimana lelaki.

Tambahan pula, terdapat hadis-hadis lain yang menunjukkan wanita memainkan peranan penting dalam keputusan politik dan sosial pada zaman Rasulullah SAW. Misalnya, Ummu Salamah memberikan pandangan yang

diterima oleh Nabi SAW dalam Perjanjian Hudaibiyyah menunjukkan bahawa suara wanita diiktiraf dalam urusan kepimpinan dan keputusan strategik (Riwayat al-Bukhari, no. 2731).

Hadis-hadis ini apabila dibaca bersama prinsip keadilan dan masalah dalam maqasid al-syariah, memperkukuh hujah bahawa Islam tidak melarang wanita menjadi pemimpin. Sebaliknya, Islam meletakkan syarat kepimpinan atas asas keupayaan, ilmu, dan akhlak, bukan atas faktor jantina. Maka, penyertaan wanita dalam kepimpinan adalah manifestasi kepada nilai rahmah, keadilan, dan kesamarataan yang menjadi teras kepada syariat Islam (Ahmadi, I., 2022).

Prinsip Maqasid al-Syariah dalam Kepimpinan Wanita dalam Konteks Masyarakat Madani

Dalam kerangka kepimpinan wanita dalam konteks Masyarakat Madani, kajian ini memperlihatkan peranan wanita sebagai tonggak utama dalam merealisasikan prinsip *maqasid al-syariah* secara holistik. Negara Madani menekankan pemerintahan berasaskan nilai-nilai rahmah (kasih sayang), keadilan, dan kemanusiaan, justeru peranan wanita tidak hanya terhad kepada ruang domestik, tetapi turut meliputi dimensi pendidikan, politik, ekonomi dan sosial.

Wanita sebagai pemimpin memainkan peranan penting dalam menterjemahkan nilai maqasid ke dalam dasar dan amalan kepimpinan yang seimbang antara spiritual dan praktikal. Melalui nilai *rahmah*, wanita menzahirkan kepimpinan yang penuh empati, prihatin terhadap kebajikan rakyat, dan menolak pendekatan keras serta diskriminatif. Dalam konteks *hifz al-nafs* (menjaga nyawa), wanita cenderung membentuk polisi yang berorientasikan kesejahteraan sosial seperti dasar mesra keluarga, penjagaan kesihatan mental dan keseimbangan kerja-keluarga yang menyumbang kepada keharmonian masyarakat.

Seterusnya, *hifz al-'aql* (menjaga akal) menuntut pemimpin wanita untuk mengangkat budaya ilmu, rasional dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan. Ini seiring dengan ciri kepimpinan berwawasan yang menolak taklid buta serta mengutamakan dasar berasaskan bukti (*evidence-based policy*). Melalui *hifz al-nasl* (menjaga keturunan), wanita memastikan pembangunan masyarakat berakhlak melalui sistem pendidikan yang membentuk insan berdisiplin, beretika dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan generasi akan datang.

Sementara itu, *hifz al-mal* (menjaga harta) diaplikasikan melalui tadbir urus ekonomi yang berasaskan keadilan dan integriti memastikan sumber negara diurus secara telus, bebas daripada rasuah, dan mengutamakan manfaat masyarakat. Dalam konteks negara Madani, kepimpinan wanita yang berlandaskan prinsip maqasid bukan sahaja memperkukuh dimensi moral dan spiritual pentadbiran, tetapi turut menjadikan dasar negara lebih berperikemanusiaan, sejahtera dan lestari.

Seperti ditegaskan oleh al-Syatibi (1997), maqasid mesti difahami dalam konteks sosial semasa; maka, penglibatan wanita dalam bidang pendidikan, politik, dan ekonomi merupakan keperluan masalah kontemporari bukan pilihan sampingan. Justeru, wanita dalam negara Madani berperanan bukan sekadar pelaksana dasar, tetapi sebagai peminang nilai maqasid yang memastikan pembangunan negara berpaksikan iman, ilmu dan ihsan.

Justeru, kajian mendapati bahawa kepimpinan wanita dalam konteks Malaysia wajar diperkukuh melalui prinsip Asas Islam Rahmah yang menekankan keseimbangan antara spiritual dan material. Pemimpin wanita bukan sekadar simbol gender, tetapi penggerak nilai kemanusiaan, keadilan dan tanggungjawab sosial.

Dalam kerangka masyarakat Madani, nilai-nilai ihsan, amanah, dan hikmah menjadi indikator kepada keberhasilan kepimpinan wanita dalam membentuk masyarakat beretika dan berdaya tahan. Justeru, sebuah model kepimpinan wanita yang komprehensif wajar direkabentuk bagi memudahkan wanita menjadi pemimpin berdasarkan kerangka maqasid al-syariah.

KESIMPULAN

Kepimpinan wanita dalam Islam merupakan satu manifestasi maqasid yang bertujuan mencapai kesejahteraan insan. Islam tidak menolak kepemimpinan wanita, malah memberi ruang luas kepada mereka untuk berperanan dalam pelbagai bidang sekiranya berpaksikan iman dan akhlak. Kajian ini menegaskan bahawa tafsiran terhadap kedudukan wanita perlu berpaksikan maqasid dan bukan budaya patriarki. Dalam masyarakat Madani, kepemimpinan wanita bukan sahaja pelengkap tetapi pemangkin kepada keseimbangan sosial dan moral. Justeru, dasar dan latihan kepemimpinan perlu berasaskan al-Quran dan Maqasid agar melahirkan pemimpin wanita yang kompeten, berwibawa dan berjiwa rahmah. Hal ini dapat dipermudahcara dalam sebuah model kepemimpinan wanita berdasarkan kepada maqasid al-syariah.

RUJUKAN

- Ahmadi, I. (2022). *The study of Ma'anil Hadith: A contextual analysis of the meaning of Hadith on women's leadership*. *Kontemplasi: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 10(1), 81–102. <https://doi.org/10.21274/kontem.2022.10.1.81-102>
- Al-Ghazali, A. H. (1993). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Al-Qaradawi, Y. (1996). *Fiqh al-Daulah fi al-Islam*. Cairo: Dar al-Shuruq.
- Al-Shatibi, A. I. (2003). *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Al-Maktabah Al-Tawfikia.
- Atea, M. A. (2025). *The application of Maqasid in contemporary reality*. *Journal Dimensie Management and Public Sector*, 6(3), 155–159. <https://doi.org/10.48173/jdmpps.v6i3.324>
- Ibn Ashur, M. T. (2001). *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Ibn Kathir, I. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Riyadh: Dar Tayyibah.
- Koburtay, T., Abuhussein, T., & Sidani, Y. M. (2022). Women leadership, culture, and Islam: Female voices from Jordan. *Journal of Business Ethics*, 183(2), 347–363. <https://doi.org/10.1007/s10551-022-05041-0>
- Siddique, M. U., Syed Ali Sultan, & Arfan Arshad. (2023). A study of Islamic perspective on leadership. *Al-NASR*, 58–72. <https://doi.org/10.53762/alnasr.02.03.e05>
- Umar, A., & Mat, H. (2024). Penerapan Maqasid al-Syariah dalam pembangunan model kepemimpinan wanita di Malaysia: *The application of Maqasid al-Shariah in the development of women's leadership model in Malaysia*. *RABBANICA – Journal of Revealed Knowledge*, 5(2), 151–165.
- UN Women. (2024). *Women's leadership and sustainable development goals*. Retrieved from <https://www.unwomen.org>
- Zaynab al-Ghazali. (1989). *Ayyam min Hayati*. Cairo: Dar al-Tiba'ah.